



## PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **menafikan** dakwaan bahawa KKM telah kehabisan stok kit RTK Antigen yang ditempah dari Korea Selatan. KKM **menjelaskan** bahawa KKM masih mempunyai baki stok sebanyak 50,000 unit lagi selepas membuat agihan ke setiap negeri di Malaysia. KKM **memberi jaminan** pihaknya akan membuat penambahan perolehan RTK Antigen sekiranya perlu.
2. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTG WPKL) **menafikan** dakwaan bahawa pelanggan terpaksa beratur seawal jam 4.00 pagi untuk berurusan di kaunter jabatan tersebut seperti yang dilaporkan di media sosial. Sebaliknya, PPTG WPKL **menegaskan** bahawa penggunaan sistem e-Tanah dan Kaunter Setempat Pelbagai Urusan telah banyak membantu mempermudah dan menjimatkan masa pelanggan yang berurusan di PPTG WPKL.

